

Penerapan *Contact Theory* dalam Model dan Aktiviti SCL untuk Kursus Hubungan Etnik di Universiti Putra Malaysia

The Incorporation of Contact Theory in SCL Models and Activities for Ethnic Relations Course in Universiti Putra Malaysia

Arfah Ab. Majid¹, Normala Othman² & Sri Rahayu Ismail³

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
26 SEPTEMBER 2018	5 NOVEMBER 2018	24 DISEMBER 2018

ABSTRAK

Kursus Hubungan Etnik yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan salah satu kursus wajib universiti yang bermatlamat untuk menggalakkan kesepaduan sosial bukan sahaja dalam kalangan pelajar universiti namun dalam kalangan masyarakat Malaysia secara amnya. Dalam usaha mencapai objektif ini, pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran termasuklah *Student Centered Learning* (SCL) turut digunapakai oleh pensyarah-pensyarah kursus Hubungan Etnik. Kaedah pembelajaran yang berpusatkan pelajar ini menggalakkan pelajar lebih banyak berinteraksi dan bekerjasama antara satu sama lain. Dengan tercetusnya lebih banyak kontak sesama pelajar, hubungan antara pelajar yang berbeza latar belakang etnik dan agama dijangkakan akan menjadi lebih erat dan harmoni. Menurut *contact theory* yang diperkenalkan oleh Gordon Allport (1954), kontak yang memenuhi syarat-syarat tertentu dapat mengurangkan prejudis dan mengeratkan hubungan antara etnik. Kajian ini dijalankan dengan objektif untuk mengenalpasti model-model SCL yang dijalankan oleh pensyarah-pensyarah kursus Hubungan Etnik; menilai penerapan elemen-elemen kontak dalam model-model SCL ini dan menganalisis tahap kuantiti dan kualiti kontak pelajar-pelajar yang terlibat dalam model-model SCL berkenaan. Untuk mendapatkan data berkaitan, pendekatan *mix-method* telah digunakan untuk kajian ini. Rekabentuk kajian kes (kualitatif) melalui temubual semi struktur dan analisis dokumen telah dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan model-model SCL daripada pensyarah-pensyarah. Selain itu, rekabentuk tinjauan (kuantitatif) turut digunakan bilamana borang soal selidik telah diedar kepada pelajar diakhir semester. Hasil kajian mendapati tujuh model SCL yang cenderung digunakan oleh pensyarah ialah *small group discussion*, *modular approach*, *team-based learning*, *case study*, *project-based learning*, *problem-based learning* dan *active & collaborative learning*. *Contact theory* juga telah dikenalpasti dalam semua model SCL yang dilaksanakan pensyarah. Namun yang demikian, terdapat perbezaan pada tahap kuantiti dan kualiti kontak untuk semua kumpulan yang mana terdapat kumpulan yang mempunyai tahap kuantiti dan kualiti kontak yang lebih tinggi berbanding kumpulan yang lain. Kajian akan datang harus memberi tumpuan kepada keberkesanan jenis-jenis model SCL yang telah diterapkan *contact theory* ini ke atas sikap dan tingkahlaku pelajar terutamanya sikap prejudis dan diskriminasi.

Kata kunci: Hubungan Etnik; *Contact theory*; *Student Centered Learning*

¹Arfah Ab. Majid, MA (SOAS, London), PhD (UIAM), pensyarah kanan, Universiti Putra Malaysia, am_arfah@upm.edu.my

²Normala Othman, MA (UM), PhD (UKM), pensyarah kanan, Universiti Putra Malaysia, normala_o@upm.edu.my

³Sri Rahayu Ismail, MA (UM), pensyarah, Universiti Putra Malaysia, sri@upm.edu.my

ABSTRACT

Ethnic Relations course that has been introduced by the Ministry of Education Malaysia is one of the compulsory university courses which aims to promote social cohesion not only among university students but among Malaysian society in general. In order to achieve this objective, various teaching and learning methods including Student Centered Learning (SCL) have been used by the Ethnic Relations course lecturers. This student-centered learning method encourages students to have more interactions and collaborations with each other. With the occurrence of more contacts among students, the relationship between students of different ethnic and religious backgrounds is expected to be closer and more harmonious. According to contact theory introduced by Gordon Allport (1954), contacts that meet certain conditions can reduce prejudice and strengthen ethnic relations. This study was carried out with the objective of identifying SCL models conducted by the lecturers of Ethnic Relations course; assessing the incorporation of contact elements in these SCL models and analyzing the quantity and quality of contact of the students involved in the SCL models. To obtain relevant data, a mixed-method approach was used for this study. A case study design (qualitative) through semi structured interviews and document analysis have been carried out to obtain information concerning SCL models applied by the lecturers. In addition, a survey research design (quantitative) was also employed in which questionnaires were distributed to students at the end of the semester. This study found there are seven SCL models tend to be used by lecturers. The SCL models are, small group discussions, modular approach, team-based learning, case study, project-based learning, problem-based learning and active & collaborative learning. Contact theory has also been identified in all SCL models implemented by lecturers. Nevertheless, there are differences in the quantity and quality of contact for all groups for which there are groups that have higher quantity and quality of contact compared to other groups. Future research should focus on the effectiveness of different types of SCL models that have been incorporated with contact theory on students' attitudes and actions especially prejudice and discrimination.

Keywords: *Ethnic Relations; Contact theory; Student Centered Learning*

Pengenalan

Antara matlamat utama kursus Hubungan Etnik adalah mempromosikan kesepaduan sosial dan keharmonian bukan sahaja dalam kalangan pelajar universiti namun dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik dan agama di Malaysia. Kursus ini dijangka dapat menjadi platform untuk menambahkan keharmonian dan mengurangkan prejudis antara etnik dan penganut agama yang berbeza. Selain daripada kaedah konvensional iaitu penyampaian kuliah oleh pensyarah, pelajar juga perlu melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dikenali sebagai *Student Centered Learning* (SCL). Antara prinsip-prinsip utama dalam SCL adalah tanggung jawab pembelajaran terletak sepenuhnya ke atas pelajar, penglibatan dan penyertaan pelajar adalah penting untuk pembelajaran, hubungan antara pelajar adalah lebih setara dalam menggalakkan perkembangan dan kemajuan, guru atau pensyarah menjadi fasilitator dan pengalaman pelajar sendiri merupakan sebahagian daripada proses pembelajaran (Brandes and Ginnis, 1986).

Berdasarkan prinsip-prinsip ini, aktiviti SCL secara tidak langsung dilihat dapat menggalakkan kontak antara pelajar berbanding kaedah kuliah biasa. Menurut Gordon Allport (1954), kontak dapat mengeratkan hubungan antara etnik jika memenuhi syarat-syarat

tertentu iaitu persamaan status antara ahli dalam sesebuah kumpulan, persamaan matlamat, interaksi kooperatif dan sokongan atau kebenaran dari pihak berkuasa. Justeru, kajian ini dijalankan dengan beberapa tujuan. Pertama, mengenal pasti model-model SCL yang dijalankan oleh pensyarah-pensyarah kursus Hubungan Etnik dan kedua, menilai penerapan syarat-syarat kontak dalam model-model SCL ini. Manakala objektif ketiga pula, menganalisis tahap kuantiti dan kualiti kontak antara pelajar yang terlibat dalam model-model SCL berkenaan.

Contact Theory

Contact theory merupakan sebuah teori yang telah dipelopori oleh Gordon Allport (1954). Teori ini merupakan antara teori utama untuk menangani bias dalam kalangan individu yang berada dalam kumpulan yang sama atau kumpulan yang berbeza. Ia juga merupakan teori yang mencadangkan intervensi yang boleh menyusun semula jurang sosial (Paluck & Green, 2009). Menurut Allport's (1954), kontak antara kumpulan boleh mendatangkan kesan yang positif apabila ia memenuhi empat syarat berikut:

1. Persamaan status antara ahli dalam sesebuah kumpulan
2. Persamaan matlamat
3. Interaksi kooperatif
4. Sokongan atau kebenaran dari pihak berkuasa

Syarat-syarat utama ini adalah saling berkaitan antara satu sama lain dan ketiadaan salah satu syarat akan menjejaskan keberkesanan syarat yang lain. Contohnya, persamaan matlamat adalah salah satu daripada faktor penting (Chu & Griffey, 1985), namun, faktor ini mungkin menjadi kurang berkesan sekiranya ia tidak berlangsung bersama interaksi kooperatif (Gaertner, Dovidio, Rust, Nier, Banker & Ward, 1999).

Para penyelidik telah membuktikan bahawa, sekolah yang tinggi integrasi dari segi komposisi etnik dapat menggalakkan kefahaman rentas-etnik seterusnya berpotensi mengurangkan stereotaip dan bias. Bagi sekolah yang rendah integrasi pula, pelajaranya kurang mempunyai peluang pembelajaran seperti ini. Penyampaian maklumat tentang etnik lain melalui kaedah pengajaran biasa tidak menggalakkan interaksi secara langsung lantas tidak mengaplikasikan kontak antara kumpulan. Keadaan seperti ini kurang memberikan impak positif ke atas tingkah laku pelajar (Aboud & Amato, 2001).

Terdapat tiga mekanisme dimana pembelajaran tentang etnik atau masyarakat lain boleh mengurangkan bias dan prejudis. Pertama, maklumat tentang etnik lain boleh mengurangkan stereotaip apabila seseorang mempunyai peluang untuk membina perhubungan baru yang bebas stereotaip dengan ahli-ahli dalam sesebuah kumpulan etnik (Kawakami, Dovidio, Moll, Hermsen, & Russin, 2000). Kedua, pengetahuan tentang etnik lain boleh mengurangkan perasaan tidak pasti dan tidak selesa apabila berinteraksi dengan mereka. Ini akhirnya akan mengurangkan kecenderungan untuk mengelakkan interaksi dengan ahli-ahli kumpulan etnik yang lain (Gaertner & Dovidio, 1986). Ketiga, peningkatan kefahaman antara budaya termasuk kefahaman tentang latar belakang sejarah dan sensitiviti budaya boleh menimbulkan kesedaran tentang ketidakadilan dan seterusnya mengurangkan prejudis (Dovidio, Gaertner & Kawakami, 2003).

Pola Interaksi Pelajar Berbilang Etnik di Malaysia dan Contact Theory

Menurut beberapa kajian berkaitan interaksi pelajar di sekolah, pelajar lebih cenderung untuk bergaul dan berinteraksi sesama etnik sendiri berbanding etnik yang berbeza. Pelajar contohnya cenderung untuk memilih rakan daripada etnik sendiri ketika belajar dan mengadakan perbincangan (Najeemah Mohd Yusof, 2006). Selain itu, interaksi dalam bilik darjah seperti perkongsian tentang budaya, agama, hobi dan pengalaman peribadi turut tertumpu kepada etnik masing-masing sahaja (Suresh Kumar, 2014). Beberapa kajian sebelumnya (Hallinan & Williams, 1987; Kandel, 1978 dan Tuma & Hallinan, 1979) menunjukkan bahawa salah satu faktor pelajar sekolah memilih rakan adalah persamaan etnik atau bangsa.

Di peringkat institusi pendidikan tinggi pula, pola interaksi hampir sama juga telah dikenal pasti. Abdullah Taib (1984) contohnya mendapati bahawa tahap interaksi pelajar dalam etnik yang sama adalah lebih tinggi berbanding tahap interaksi antara etnik berbeza. Menurut Sanusi Osman (1989), walau pun wujud banyak peluang dan pilihan untuk berinteraksi dalam kalangan pelajar pelbagai etnik di institusi pendidikan tinggi namun pelajar masih lagi cenderung untuk memilih rakan daripada etnik yang sama. Kecenderungan ini akhirnya menyebabkan tahap interaksi antara pelajar pelbagai etnik menjadi rendah. Selain itu, beliau juga mendapati bahawa masih terdapat prasangka, stereotaip dan etnosentrisme yang kuat dalam kalangan pelajar dan kebanyakan aktiviti pelajar yang dijalankan adalah berasaskan etnik yang sama dan bukan merentas etnik. Kajian oleh Mohd Rizal dan Thay Cheow Lin (2012) pula mendapati hubungan pelajar pelbagai etnik dalam aspek kehidupan harian, kegiatan kokurikulum dan pembelajaran berada pada tahap sederhana. Dapatan ini membuktikan jurang sosial masih wujud dalam kalangan mereka.

Walaupun beberapa kajian lepas menunjukkan bahawa pelajar pelbagai etnik di sekolah dan institusi pendidikan tinggi masih kurang berinteraksi sesama mereka, namun ini tidak bererti persefahaman dan keharmonian antara etnik tidak dapat dipupuk. Ini telah dibuktikan oleh kajian daripada Fatimah Daud (2002). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa program-program tertentu yang dilaksanakan di universiti memainkan peranan dalam meningkatkan persefahaman dan perpaduan antara pelajar pelbagai etnik. Contohnya seperti program-program yang melibatkan aktiviti bersama, program pertukaran budaya, program untuk meningkatkan tahap kefasihan bahasa dan pemahaman antara agama. Program-program yang diadakan ini secara tidak langsung mempunyai elemen-elemen penting *contact theory* seperti sokongan pihak berkuasa dan interaksi kooperatif yang sememangnya dapat mengeratkan hubungan antara pelbagai etnik.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan *mix-method* untuk mencapai objektif-objektif kajian. Untuk pendekatan kualitatif, reka bentuk kajian kes telah dipilih untuk mendapatkan maklumat berkaitan model-model SCL, kaedah pelaksanaan model SCL dan penerapan *contact theory* dalam model SCL tersebut. Reka bentuk kajian kes digunakan dalam kajian ini kerana ia dapat menerangkan sesebuah fenomena yang berkaitan dengan acara, individu atau program (Gall, Borg, and Gall, 1996).

Teknik persampelan bertujuan telah digunakan dalam pemilihan informan kajian ini.

Seramai enam (6) orang pensyarah yang terlibat dalam pengajaran kursus Hubungan Etnik di Universiti Putra Malaysia pada Semester Kedua, Sesi 2016/2017 telah dipilih. Pensyarah-pensyarah tersebut adalah pensyarah yang mengendalikan kumpulan 5, kumpulan 6, kumpulan 7, kumpulan 8, kumpulan 10 dan kumpulan 12. Mereka telah diminta untuk mengemukakan maklumat berkenaan reka bentuk model-model SCL, kaedah pelaksanaan aktiviti dan penerapan *contact theory*. Maklumat telah diperolehi melalui kaedah temubual dan penilaian dokumen-dokumen berkaitan seperti manual pelaksanaan SCL pensyarah.

Untuk mendapatkan maklumat berkaitan tahap kuantiti dan tahap kualiti kontak pula, kaedah tinjauan telah dijalankan melalui pengedaran borang soal selidik yang dilaksanakan di akhir semester kepada pelajar-pelajar daripada kumpulan-kumpulan pensyarah yang terlibat yang berkenaan. Secara keseluruhan seramai 489 orang responden telah terlibat dalam tinjauan ini dan ringkasannya adalah sepertimana jadual di bawah.

Jadual 1: Pecahan Responden Mengikut Kumpulan Kuliah

Bil	Kumpulan	Jumlah responden
1.	5	84
2.	6	77
3.	7	78
4.	8	75
5.	10	95
6.	12	80
Jumlah		489

Perbincangan seterusnya berkisar tentang dapatan kajian yang berkaitan dengan pelaksanaan model SCL mengikut kumpulan, penerapan *contact theory* dalam aktiviti-aktiviti SCL, tahap kuantiti dan tahap kualiti kontak mengikut kumpulan dan analisis model SCL dan tahap kuantiti dan kualiti kontak.

Dapatan Kajian

Jenis, Kaedah Pelaksanaan dan Matlamat Model SCL Mengikut Kumpulan

Sub-topik ini akan membincangkan jenis, kaedah pelaksanaan dan matlamat model-model SCL yang telah dipraktikkan oleh enam buah kumpulan kuliah iaitu kumpulan 5, kumpulan 6, kumpulan 7, kumpulan 8, kumpulan 10 dan kumpulan 12. Matlamat pelaksanaan model-model SCL ini turut dibincangkan. Hasil kajian mendapati, tiga daripada empat buah kumpulan telah melaksanakan lebih daripada satu jenis model SCL. Terdapat juga beberapa buah kumpulan yang telah mempraktikkan jenis model SCL yang sama namun pendekatan dan kaedah pelaksanaannya berbeza antara satu sama lain.

Kumpulan 5: Perbincangan dalam kumpulan kecil (small group discussion)

Model SCL utama yang diaplikasikan oleh pensyarah kumpulan 5 adalah perbincangan dalam kumpulan kecil atau (*small group discussion*). Langkah pertama yang dilaksanakan oleh pelajar adalah membentuk kumpulan kecil berjumlah lima(5) hingga enam(6) orang yang

terdiri daripada pelbagai etnik dan sub-etnik. Seterusnya, pelajar memulakan langkah kedua iaitu sesi *ice-breaking*. Kemudian pelajar dikehendaki untuk memahami kehendak soalan aktiviti yang diberikan. Sebagai contoh, pelajar dikehendaki membincangkan peranan bahasa dalam kehidupan seharian dan dalam konteks pelbagai etnik.

Setelah pelajar memahami kehendak soalan aktiviti, pelajar perlu melaksanakan aktiviti berkaitan. Contohnya, pelajar dikehendaki mencari terjemahan beberapa ayat mengikut bahasa pertuturan etnik mereka seperti bahasa Tamil, Mandarin, Hokkien, Jawa, Banjar dan lain-lain. Seterusnya mereka akan mencatatkan aktiviti terbabit. Terdapat juga pelajar yang menelefon dan menggunakan aplikasi *whatssApp* bagi mendapatkan terjemahan beberapa bahasa yang lain. Setiap kumpulan kemudiannya akan membentangkan hasil tugasan mereka kelas. Akhir sekali, pensyarah akan meminta setiap kumpulan untuk membuat refleksi dan kesimpulan terhadap aktiviti mereka dalam konteks hubungan etnik di Malaysia.

Matlamat Model SCL

Model SCL bentuk ini dilaksanakan dengan matlamat untuk membolehkan pelajar untuk berinteraksi sesama sendiri dalam konteks pelbagai etnik, membina pembelajaran sendiri dan menggalakkan pembelajaran yang mendalam. Aktiviti utama yang dilakukan untuk mencapai matlamat ini adalah perbincangan dan pembentangan mengenai kepelbagaian dialek, kebudayaan dan cabaran serta usaha mengatasi masalah hubungan etnik di Malaysia (N. N. Ibrahim, komunikasi peribadi, Disember 13, 2017).

Kumpulan 6: Modular Approach, Case study dan Team-based Learning

Menurut pensyarah kumpulan 6, beliau telah melaksanakan tiga jenis SCL untuk kursus Hubungan Etnik ini iaitu perkongsian dan perbincangan dua hala (*modular approach*), *case study* dan *team-based learning*. Untuk *modular approach*, pelajar terlibat dalam pembentangan berkaitan pengamalan dan pantang larang daripada beberapa agama seperti agama Islam, Buddha, Hindu dan Kristian. Untuk *case study* pula, pelajar dikehendaki untuk mengenalpasti jenis-jenis rumah ibadat di Malaysia dan mengenalpasti kepentingan menghormati rumah ibadat agama-agama lain. Untuk *team-based learning*, pelajar perlu memakai pakaian tradisional mengikut etnik masing-masing dan menzahirkan perasaan memakai pakaian tradisional tersebut.

Untuk setiap aktiviti SCL, perkara paling asas yang perlu dilakukan oleh para pelajar adalah membentuk kumpulan kecil empat hingga enam orang. Pensyarah kemudiannya menerangkan tugasan SCL kepada pelajar. Langkah seterusnya, pelajar mula mencari maklumat daripada buku modul hubungan etnik dan juga sumber-sumber internet. Setelah mendapat maklumat, pelajar membentangkan hasil dapatan SCL. Manakala melalui *modular approach* pula, pelajar menjalankan perbincangan dua hala antara kumpulan-kumpulan kecil. Pelajar seterusnya menghasilkan dokumentasi dan menghantar hasil SCL kepada pensyarah. Langkah terakhir, pensyarah menerangkan hasil atau matlamat topik SCL yang dijalankan di dalam kelas.

Matlamat Model SCL

Di antara matlamat model-model SCL ini adalah pelajar dapat memahami dengan lebih

mendalam berkaitan kepelbagaian etnik dan agama di Malaysia. Selain itu ia bertujuan untuk meningkatkan kemahiran insaniah seperti kerja berpasukan, komunikasi dan pembelajaran sepanjang hayat. Antara aktiviti yang dilakukan untuk mencapai matlamat ini adalah mewajibkan pelajar memakai pakaian kebangsaan dalam salah satu kelas (pengajaran dan pembelajaran), perkongsian dua hala dan perbincangan di dalam kelas (A. H. Samsi, komunikasi peribadi, Disember 8, 2017).

Kumpulan 7: Case study dan Problem-based Learning

Pensyarah kumpulan 7 telah melaksanakan dua bentuk SCL dalam kuliah beliau iaitu *case study* dan *problem-based learning*. Dalam *case study*, pelajar dikehendaki untuk mengkaji tentang masalah yang telah dikenal pasti terutamanya berkaitan dengan masalah yang timbul disebabkan oleh kurang kefahaman dan nilai menghormati perbezaan antara agama. Semua ahli kumpulan dikehendaki turut serta dalam kerja lapangan.

Langkah pertama untuk *case study* ini, pelajar perlu membentuk kumpulan yang terdiri daripada ahli yang berbeza etnik, agama, negeri atau jantina. Seterusnya mereka dikehendaki untuk memilih topik yang ingin diketengahkan dan perlu mendapat persetujuan pensyarah terlebih dahulu (berasaskan kepada masalah yang dikemukakan). Pelajar kemudiannya perlu menyediakan satu kertas cadangan yang berkaitan dan perlu disemak oleh pensyarah dari masa ke masa. Mereka tidak dibenarkan keluar untuk menjalankan kerja lapangan selagi kertas cadangan tidak diluluskan. Menurut pensyarah, pada kebiasaannya empat hingga lima kali semakan diperlukan sebelum kertas cadangan diluluskan. Setelah kertas cadangan mereka diluluskan, mereka dikehendaki untuk mengumpulkan data di lokasi yang dipilih iaitu di luar kampus UPM Serdang.

Setelah data berjaya diperolehi, mereka perlu menganalisis data tersebut dan hasil analisis perlu dibentangkan sewaktu sesi pembentangan di kelas. Untuk mendapatkan perhatian daripada rakan sekelas yang lain ketika sesi pembentangan berlangsung, pensyarah telah menetapkan syarat kepada semua pelajar untuk bertanya soalan kepada kumpulan pembentang dan setiap soalan yang diajukan akan diberikan markah.

Untuk *problem-based learning* pula, setiap kumpulan tugas dikehendaki memilih satu isu yang menyentuh sensitiviti atau hubungan antara etnik, agama, dan negeri yang telah berlaku dan meneliti masalah tersebut sebelum pembentangan dilakukan. Seperti *case study*, pelajar juga perlu membentuk kumpulan yang terdiri daripada ahli yang berbeza etnik, agama, negeri atau jantina. Pelajar perlu mengenalpasti isu secara atas talian dan perlu meneliti tentang apakah pengajaran, punca dan kesan isu tersebut terhadap kehidupan bermasyarakat terutamanya masyarakat di Malaysia. Akhir sekali mereka perlu membentangkan dan bersoal jawab dengan pensyarah dan rakan-rakan dari kumpulan lain.

Matlamat Model SCL

Menurut pensyarah kumpulan 7, antara matlamat model SCL yang beliau laksanakan ini adalah untuk melahirkan pelajar yang bukan sahaja memahami sesuatu untuk menjawab peperiksaan semata-mata tetapi mereka perlu diberi pengalaman dan mampu untuk mempraktikkan apa yang dipelajari apabila berada dalam masyarakat. Kemampuan mempraktik berasaskan orientasi yang dimiliki oleh setiap pelajar adalah matlamat utama model SCL yang dilaksanakan (M. R. Ramli, komunikasi peribadi, Januari 31, 2018).

Kumpulan 8: Gabungan dan pengubahsuaian Project-based Learning dan Case Study

Pensyarah kumpulan 8 mengenalpasti aktiviti yang beliau jalankan dalam bentuk ulasan samada ulasan buku, isu, filem, lagu, seni, kisah atau isu tular dan lain-lain sebagai sebahagian SCL dalam bentuk *project-based learning* dan *case study* yang telah digabungkan dan diubahsuai. Sebelum menjalankan aktiviti SCL, pelajar dikehendaki untuk membentuk kumpulan yang kecil di antara lima hingga enam orang dan digalakkan ada percampuran antara etnik, program yang berbeza dan jantina yang berbeza.

Seterusnya, pensyarah memberi penerangan kepada pelajar berkenaan format ulasan yang dikehendaki dimana ulasan tersebut perlu melibatkan analisis yang turut menerangkan justifikasi pemilihan serta hubungan kait dengan kursus. Pensyarah memberi kebebasan kepada pelajar untuk membuat ulasan sama ada ulasan buku, dokumentari, filem, kisah atau isu tular, lagu dan lain-lain. Tempoh yang diberi untuk menghasilkan laporan adalah satu hingga dua minggu.

Matlamat Model SCL

Menurut pensyarah kumpulan 8, bagi kursus ini, kefahaman pelajar terhadap suasana persekitaran dan keadaan semasa adalah penting. Oleh yang demikian, analisis pelajar diperlukan melalui respon mereka terhadap bahan-bahan sokongan seperti bahan bacaan, media massa, media elektronik dan lain-lain (H.A. Mak Din, komunikasi peribadi, Januari 30, 2018).

Kumpulan 10: Problem-based Learning

Perkara paling asas untuk SCL seumpama ini adalah mengemukakan masalah dan seterusnya diikuti dengan perbincangan masalah yang dikemukakan. Akhir sekali pelajar dikehendaki untuk mendemonstrasikan produk atau hasil kajian mereka. Seperti pensyarah-pensyarah lain, pensyarah kumpulan 10 juga memastikan pelajar membentuk kumpulan-kumpulan kecil berjumlah lima hingga enam orang untuk melaksanakan aktiviti SCL ini. Pensyarah memastikan kumpulan kecil yang dibentuk adalah melalui proses pemilihan pelajar sendiri bagi tujuan penyelesaian dalam perbincangan dan kerja yang akan dilakukan. Menerusi aktiviti SCL ini, pensyarah juga membuka peluang kepada pelajar untuk mengemukakan idea dan cadangan.

Matlamat Model SCL

Matlamat utama model SCL ini adalah menggalakkan penyertaan pelajar dan membentuk kerjasama. Aktiviti yang dilakukan untuk mencapai matlamat ini adalah melalui perbincangan berkumpulan, pembentangan video dan debat berkumpulan (S. Abdul Ghani, komunikasi peribadi, Januari 29, 2017).

Kumpulan 12: Project-based Learning dan Active & Collaborative Learning

Untuk *project-based learning*, pelajar perlu melaksanakan tugas dalam kumpulan yang dinamakan “Projek Kajian Etnik”. Untuk projek ini, setiap kumpulan perlu memilih satu etnik untuk mengkaji keunikan etnik tersebut dari pelbagai aspek. Pelajar diberikan pilihan sama ada hendak menjalankan kajian perpustakaan atau kajian lapangan. Sebelum

memulakan kajian, pelajar perlu menyediakan proposal yang perlu dihantar pada minggu kelima. Hasil kajian seterusnya akan dibentangkan dalam bentuk *role play* dan pembentangan poster antara minggu kesepuluh hingga minggu ketiga belas.

Sebagai langkah pertama untuk melaksanakan aktiviti SCL dalam bentuk *project-based learning*, pensyarah menerangkan tentang Projek Kajian Etnik yang perlu dilaksanakan oleh setiap kumpulan tugas. Kemudian pelajar perlu membentuk kumpulan kecil lima hingga enam orang dengan syarat kumpulan tersebut mestilah melibatkan pelbagai etnik, jantina dan negeri asal. Setelah membentuk kumpulan tugas, pelajar dalam kumpulan masing-masing akan memulakan sesi *ice-breaking*. Pelajar seterusnya perlu membuat perbincangan dalam kumpulan berkenaan etnik pilihan mereka untuk dikaji.

Untuk SCL *active & collaborative learning* pula, ia melibatkan aktiviti SCL dalam bilik kuliah yang perlu dilaksanakan dalam kumpulan tugas yang sama. Untuk SCL ini, pelajar diberikan beberapa tugas dalam kumpulan seperti berikut:

1. Peta minda tentang sembilan teori Hubungan Etnik – Bab 2
2. Video refleksi “Tun Razak Bapa Pembangunan” – Bab 3
3. Video refleksi “The Silent Riot” – Bab 5
4. Perbincangan tentang isu semasa berkaitan agama dan perkauman – Bab 6

Matlamat Model SCL

Antara matlamat pelaksanaan model-model SCL ini adalah untuk memupuk nilai toleransi dan kerjasama antara pelajar pelbagai latar belakang etnik, agama dan budaya. Selain itu ia juga bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar tentang kepelbagaian aspek budaya etnik di Malaysia. Menggilap kemahiran berinteraksi sesama pelajar dan kebolehan mengaitkan konsep-konsep asas dalam Hubungan Etnik dengan persekitaran juga merupakan matlamat model-model SCL yang dilaksanakan ini (N. Othman, komunikasi peribadi, Januari 30, 2018).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun terdapat pelbagai jenis dan kaedah pelaksanaan model SCL seperti *case study*, *problem-based learning*, perbincangan dalam kumpulan kecil, *modular approach*, *team-based learning*, *project-based learning* dan *active & collaborative learning*, namun terdapat persamaan matlamat model SCL bagi setiap kumpulan kuliah. Matlamat tersebut termasuklah memberi pendedahan kepada pelajar terhadap suasana persekitaran dan isu semasa serta memberi peluang kepada pelajar untuk berbahas dan mengemukakan idea. Selain itu, model SCL yang dilaksanakan juga bermatlamat untuk menggalakkan penyertaan aktif pelajar selain memupuk semangat kerjasama dan toleransi ahli kumpulan.

Penerapan Contact Theory dalam Aktiviti-aktiviti SCL

Analisis berdasarkan *contact theory* ini akan menumpukan salah satu syarat sahaja dalam *contact theory* iaitu interaksi kooperatif. Ini kerana, tiga syarat yang lain iaitu persamaan status antara ahli dalam sesebuah kumpulan, persamaan matlamat dan sokongan atau kebenaran dari pihak berkuasa sememangnya sudah berjaya dicapai oleh semua kumpulan kuliah dari awal lagi.

Syarat persamaan status contohnya telah tercapai diperingkat awal lagi apabila individu yang terlibat dalam pelaksanaan aktiviti SCL ini terdiri daripada individu yang berstatus pelajar Universiti Putra Malaysia. Selain daripada persamaan status sebagai pelajar universiti, mereka disatukan lagi dengan status sebagai pelajar tahun pertama. Ini kerana kursus wajib universiti biasanya akan didaftarkan oleh pelajar tahun pertama. Sokongan atau kebenaran dari pihak berkuasa pula jelas apabila kursus Hubungan Etnik merupakan kursus wajib universiti yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kursus ini diwajibkan kepada semua pelajar Ijazah Sarjana Muda sebagai syarat utama bergraduasi. Mereka digalakkan mendaftar kursus ini pada awal semester pengajian mereka sebelum mengambil kursus teras mengikut jurusan masing-masing. Matlamat pelajar untuk mendaftar dalam kursus ini untuk memastikan mereka boleh bergraduasi sudah semestinya memenuhi syarat yang seterusnya iaitu persamaan matlamat. Oleh yang demikian, satu-satunya syarat kontak yang memerlukan penelitian lanjut adalah interaksi kooperatif yang akan diuraikan dalam sub-topik di bawah. Pensyarah-pensyarah setiap kumpulan terlibat telah mengenalpasti elemen interaksi kooperatif atau kerjasama dalam kalangan pelajar untuk model SCL masing-masing.

Kumpulan 5

Pensyarah kumpulan 5 telah memastikan semua aktiviti SCL yang dijalankan melibatkan interaksi di antara pelajar dalam bentuk kerjasama. Proses interaksi antara pelajar yang dapat dikenalpasti adalah ketika mereka berkomunikasi dan berbincang dengan baik bukan sahaja dalam kumpulan sendiri namun antara kumpulan mereka dengan kumpulan lain. Ini dapat diperhatikan apabila terdapat pembentangan yang melibatkan aspek kebudayaan pelbagai etnik, para pelajar sering mengajukan soalan. Ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman mereka mengenai kebudayaan dan kepercayaan agama lain. Antara hasil yang diharapkan daripada para pelajar melalui aktiviti SCL yang dijalankan dari aspek pembelajaran adalah para pelajar memahami dan seterusnya menghayati aktiviti-aktiviti SCL yang dijalankan. Selain itu, pensyarah juga mengharapkan pelajar berasa gembira dan senang hati sepanjang melaksanakan aktiviti SCL tersebut. Dari aspek hubungan antara etnik dan agama pula secara khususnya, pelajar diharapkan dapat mengenali dan memahami aspek kepercayaan dan sensitiviti pelbagai etnik dan agama dan seterusnya mereka dapat mengaplikasikan pemahaman mereka dalam konteks bukan sahaja di dalam dewan kuliah tetapi juga dalam konteks kehidupan bermasyarakat (N. N. Ibrahim, komunikasi peribadi, Disember 13, 2017).

Kumpulan 6

Antara contoh aktiviti SCL yang dijalankan adalah perkongsian tentang adat resam dan pengamalan setiap agama yang terdapat di dalam kelas. Oleh yang demikian beberapa proses interaksi telah dikenalpasti. Yang pertama, wakil bagi setiap penganut agama utama di Malaysia antaranya Islam, Buddha Hindu dan Kristian akan menerangkan di dalam kelas berkaitan agama masing-masing. Selepas itu sesi soal jawab akan dibuka dengan setiap pelajar akan bertanya pelbagai soalan berkaitan agama tersebut yang selama ini mereka ingin tahu. Hasilnya pelajar rasa teruja dan dapat meningkatkan ilmu pengetahuan terutamanya berkaitan pengalaman agama-agama utama yang terdapat di Malaysia.

Secara umumnya, dari aspek pembelajaran, aktiviti SCL seumpama ini diharapkan dapat menggalakkan pembelajaran interaktif dalam bentuk perkongsian dan perbincangan selain ia juga diharapkan dapat meningkatkan pemahaman pelajar untuk salah satu topik dalam kursus Hubungan Etnik. Ia juga diharapkan dapat meningkatkan minat pelajar

terhadap kursus Hubungan Etnik melalui aktiviti secara langsung dengan melibatkan semua pelajar. Dari aspek hubungan antara etnik dan agama pula, antara hasil yang diharapkan daripada aktiviti SCL yang dijalankan adalah, pelajar dapat memahami dengan lebih mendalam berkaitan pengamalan pelbagai agama dan etnik, pelajar lebih menghormati antara satu agama dengan agama yang lain dan pelajar tidak berasa kekok untuk menjalankan pelbagai aktiviti dalam kelas walaupun mempunyai pelbagai etnik dan agama dalam kumpulan kuliah tersebut (A. H. Samsi, komunikasi peribadi, Disember 8, 2017).

Kumpulan 7

Setiap pelajar didorong untuk memainkan peranan masing-masing dalam setiap tugas. Oleh yang demikian kerjasama antara ahli kumpulan sememangnya sangat diperlukan. Proses interaksi yang berlaku dalam kalangan pelajar boleh dikenal pasti apabila mereka sering bertukar idea atau pendapat. Malah ketika sesi soal jawab dalam aktiviti analisis sesuatu masalah, mereka digalakkan bertanya dan mempertahankan idea kumpulan masing-masing. Semasa membentangkan dapatan kajian daripada *case study* juga mereka sering bertukar idea dengan rakan-rakan daripada kumpulan lain.

Hasil yang diharapkan daripada para pelajar melalui aktiviti SCL yang dijalankan dari aspek pembelajaran adalah keupayaan mereka untuk menghayati dan mempraktikkan sesuatu yang dipelajari dalam kehidupan mereka. Dari aspek hubungan antara etnik dan agama pula pelajar diharapkan supaya lebih menghormati dan menerima perbezaan etnik, agama, negeri dan jantina. Selain itu, mereka juga diharapkan mampu menjadi pemangkin atau ejen perpaduan apabila berada dalam masyarakat (M. R. Ramli, komunikasi peribadi, Januari 31, 2018).

Kumpulan 8

Proses interaksi yang berlaku dalam kalangan pelajar dapat dilihat sewaktu pelajar mengadakan perbincangan dan membuat keputusan untuk memilih bentuk ulasan yang ingin mereka jalankan. Dalam proses membuat ulasan tersebut juga, pelajar dijangka akan membaca bahan bacaan atau menonton video yang dipilih bersama-sama seterusnya membuat perbincangan bersama. Selepas perbincangan tersebut, pelajar akan membuat laporan dan menghantarnya kepada pensyarah.

Hasil yang diharapkan daripada para pelajar melalui aktiviti SCL yang dijalankan daripada aspek pembelajaran adalah pelajar cakna terhadap isu-isu disekeliling dan berupaya mengaitkan apa yang dipelajari dengan realiti semasa. Melalui aktiviti SCL juga, pelajar dipupuk dengan *softskill* seperti kerja berkumpulan, pembahagian tugas dan membuat keputusan. Hasil yang diharapkan daripada para pelajar melalui aktiviti SCL yang dijalankan dari aspek hubungan antara etnik dan agama pula adalah menghargai kesepaduan yang sedia wujud, memahami realiti kehidupan secara integrasi melalui amalan kerja berkumpulan, meraikan perbezaan dan mempertahankan keharmonian dalam negara (H.A. Mak Din, komunikasi peribadi, Januari 30, 2018).

Kumpulan 10

Antara aktiviti yang melibatkan interaksi kooperatif atau kerjasama dalam kalangan pelajar untuk kumpulan 10 ini adalah perbincangan berkumpulan, pembentangan video dan debat

berkumpulan. Proses interaksi antara pelajar dijangkakan akan berlaku sekiranya para pelajar diberi peluang dan ruang untuk mereka melahirkan idea dan kemahiran masing-masing. Dari aspek pembelajaran secara umumnya, hasil yang diharapkan daripada para pelajar melalui aktiviti SCL yang dijalankan adalah pelajar akan lebih bersikap terbuka, lebih memahami dan berkongsi idea. Selain itu, hasil yang diharapkan melalui aktiviti SCL yang dijalankan dari aspek hubungan antara etnik dan agama secara khususnya adalah, pelajar akan lebih memahami, saling menghormati dan lebih bersifat terbuka antara satu sama lain (S. Abdul Ghani, komunikasi peribadi, Januari 29, 2017).

Kumpulan 12

Untuk kumpulan 12, setiap modul SCL seperti *project-based learning* dan *active & collaborative learning* melibatkan interaksi kooperatif atau kerjasama dalam kalangan pelajar. Proses interaksi dalam kalangan pelajar terjadi apabila pelajar perlu menjalankan perbincangan dan pembahagian tugas bagi menyelesaikan tugas. Selain itu, pelajar juga dikehendaki melaksanakan pembentangan tugas dan terlibat dalam sesi soal jawab antara pelajar yang semestinya memerlukan interaksi dan kerjasama antara mereka.

Untuk pembelajaran kursus ini sendiri, pelajar diharapkan dapat mengaitkan konsep asas hubungan etnik dengan persekitaran dan isu semasa. Melalui aktiviti SCL yang dijalankan juga, pelajar diharap mampu memberikan contoh yang relevan dengan isu yang terkini semasa menjawab soalan peperiksaan. Untuk hubungan antara etnik dan agama pula, pelajar diharapkan dapat memahami kepelbagaian latar belakang agama dan etnik yang berbeza, dapat memaparkan lebih sikap toleransi dan terbuka menerima perbezaan (N. Othman, komunikasi peribadi, Januari 30, 2018).

Interaksi dan kerjasama antara ahli kumpulan dapat dilihat menerusi setiap aktiviti SCL yang dilaksanakan. Proses interaksi didapati berlaku apabila pelajar saling bertukar idea atau pendapat dalam perbincangan berkumpul ataupun mengemukakan soalan kepada kumpulan lain semasa pembentangan. Misalnya apabila terdapat pembentangan yang melibatkan topik kebudayaan atau agama pelbagai etnik, pelajar cenderung untuk bertanya soalan bagi meningkatkan lagi kefahaman mereka tentang latar belakang etnik yang berbeza. Kerjasama antara pelajar pelbagai etnik juga dapat dilihat apabila mereka bersama-sama menyelesaikan sesebuah tugas yang diberikan oleh pensyarah contohnya tugas dalam bentuk ulasan samada ulasan buku, isu, filem dan lain-lain.

Tahap Kuantiti Kontak Mengikut Kumpulan

Jadual 2 menunjukkan tahap kuantiti kontak mengikut kumpulan. Berdasarkan jadual tersebut, empat daripada enam kumpulan iaitu kumpulan 5, kumpulan 6, kumpulan 7 dan kumpulan 8 menunjukkan tahap kuantiti kontak yang agak tinggi manakala dua buah kumpulan lagi iaitu kumpulan 10 dan 12 menunjukkan tahap kuantiti kontak yang agak rendah berdasarkan peratusan responden yang melaporkan tahap tinggi dibawah 50%. Untuk kumpulan 5, tahap tinggi kuantiti kontak adalah sebanyak 58.80% berbanding tahap rendah 41.20%. Tahap kuantiti kontak untuk kumpulan 6 juga adalah tinggi iaitu sebanyak 55.70%. Pelajar yang melaporkan tahap kuantiti yang rendah untuk kumpulan 6 hanyalah 44.30%. Untuk kumpulan 7, 60.5% responden melaporkan tahap kuantiti kontak yang tinggi manakala 39.5% responden sahaja melaporkan tahap kuantiti kontak yang rendah. Kuantiti kontak untuk kumpulan 8 pula berada di tahap tinggi iaitu sebanyak 62.1% dan cuma 37.9%

berada di tahap rendah. Responden dalam kumpulan 10 melaporkan tahap kuantiti kontak yang rendah iaitu sebanyak 59.5% manakala 40.5% responden sahaja merasakan tahap kuantiti kontak yang tinggi. Begitu juga dengan kumpulan 12. Tahap kuantiti kontak berada di tahap rendah sebanyak 69.10% berbanding tahap tinggi yang dilaporkan cuma 30.90%.

Jadual 2: Tahap Kuantiti Kontak Mengikut Kumpulan

Kumpulan	Rendah (1.00 - 3.00) Kekerapan (%)	Tinggi (3.01 - 5.00) Kekerapan (%)
5	33	47
	41.20%	58.80%
6	31	39
	44.30%	55.70%
7	30	46
	39.50%	60.50%
8	22	36
	37.90%	62.10%
10	47	32
	59.50%	40.50%
12	47	21
	69.10%	30.90%

Tahap Kualiti Kontak Mengikut Kumpulan

Jadual 3 memaparkan tahap kualiti kontak mengikut kumpulan. Keenam-enam kumpulan menunjukkan tahap kualiti kontak yang tinggi. Ini adalah kerana peratusan responden yang melaporkan tahap kualiti kontak yang tinggi melebihi 50%. Untuk kumpulan 5, tahap kualiti kontak yang tinggi dilaporkan iaitu sebanyak 77.50% manakala tahap rendah cuma 22.50%. Untuk kumpulan 6 pula, 80.00% responden melaporkan tahap kualiti kontak yang tinggi dan 20% responden yang merasakan tahap kualiti yang rendah. Responden dalam kumpulan 7 contohnya melaporkan kualiti kontak yang tinggi iaitu sebanyak 80.3% berbanding yang rendah cuma 19.7%. Untuk kumpulan 8 juga, tahap kualiti kontak yang tinggi telah dilaporkan iaitu sebanyak 81% manakala cuma 19% responden yang melaporkan tahap kualiti kontak yang rendah. 75.9% responden dalam kumpulan 10 mempunyai tahap tinggi untuk kualiti kontak dan 24.1% sahaja yang mempunyai tahap rendah untuk kualiti kontak. Tahap tinggi yang dilaporkan untuk kualiti kontak bagi kumpulan 12 pula adalah sebanyak 69.1% berbanding 30.9% untuk tahap rendah.

Jadual 3: Tahap Kualiti Kontak Mengikut Kumpulan

Kumpulan	Rendah (1.00 - 3.00) Kekerapan (%)	Tinggi (3.01 - 5.00) Kekerapan (%)
5	18	62
	22.50%	77.50%
6	14	56
	20.00%	80.00%
7	15	61
	19.70%	80.30%
8	11	47
	19.00%	81.00%
10	19	60
	24.10%	75.90%
12	21	47
	30.90%	69.10%

Analisis Tahap Kuantiti dan Kualiti Kontak dengan Aktiviti-Aktiviti Dalam Model SCL

Berdasarkan analisis, kumpulan yang mempunyai tahap kuantiti kontak yang paling tinggi adalah kumpulan 8 (62.10%), diikuti dengan kumpulan 7 (60.50%), ketiga tinggi kumpulan 5 (58.80%), keempat kumpulan 6 (55.70%), kelima kumpulan 10 (40.50%) dan yang paling rendah kumpulan 12 (30.90%). Untuk kualiti kontak pula, pola yang hampir sama dapat dilihat yang mana kumpulan yang memperoleh tahap kualiti kontak yang paling tinggi ialah kumpulan 8 (81.00%), yang kedua tinggi kumpulan 7 (80.30%), ketiga kumpulan 6 (80.00%), keempat kumpulan 5 (77.50%), kelima kumpulan 10 (75.90%) dan yang terkahir kumpulan 12 (69.10%).

Jika setiap aktiviti kumpulan disusun mengikut tahap kuantiti dan kualiti kontak daripada yang paling tinggi hingga paling rendah, aktiviti SCL kumpulan 8 yang memberi tumpuan kepada aktiviti ulasan sahaja (yang dikenalpasti oleh pensyarah sebagai gabungan *project-based learning* dan *case study*) merupakan aktiviti yang mampu menghasilkan tahap kuantiti dan kualiti kontak yang paling tinggi. Aktiviti-aktiviti kedua tinggi pula adalah aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh kumpulan 7. Contoh aktiviti dalam model SCL *case study* yang dijalankan oleh kumpulan 7 adalah dalam bentuk kajian lapangan di mana pelajar dikehendaki menyelidiki masalah tertentu yang berpunca daripada salah faham terhadap agama, menghasilkan kertas cadangan, mengumpul data di luar dan membentangkan hasil analisis berkaitan masalah tersebut. Untuk *problem-based learning* pula, pelajar dikehendaki untuk membincangkan isu sensitif dan membentangkan hasil perbincangan. Walau pun kedua-dua model SCL memberi tumpuan kepada isu dan masalah antara agama dan etnik, namun untuk *case study* ia memerlukan pelajar turun ke lapangan berbanding dengan *problem-based learning* yang hanya memerlukan pelajar membincangkan masalah tertentu di dalam kelas.

Fokus utama aktiviti yang dilaksanakan oleh kumpulan 5 pula adalah perbincangan sesama pelajar dan aktiviti seumpama ini telah menghasilkan tahap kuantiti kontak yang sedikit tinggi iaitu 58.80% dan tahap kualiti kontak yang juga tinggi iaitu 77.50%. Antara

aktiviti utama yang dilaksanakan oleh kumpulan 6 (yang memiliki tahap kuantiti kontak yang keempat tinggi) untuk model SCL *modular approach*, *case study* dan *team-based learning* adalah perbincangan dan pembentangan. Untuk *modular approach* contohnya aktiviti utamanya adalah perbincangan dua hala antara kumpulan contohnya tentang pengamalan dan pantang larang agama. Untuk model SCL yang dikenalpasti oleh pensyarah sebagai *case study* pula, aktiviti adalah mengenalpasti rumah-rumah ibadat di Malaysia dan menghuraikan kepentingan menghormati rumah-rumah ibadat tersebut. Berdasarkan aktiviti-aktiviti seperti ini, tahap kuantiti kontak yang dilaporkan hanyalah 55.70% walau pun dalam kategori tinggi. Untuk tahap kualiti kontak pula aktiviti seumpama ini mencapai tahap tinggi iaitu sebanyak 80.00%.

Hanya 40.5% pelajar melaporkan tahap kuantiti kontak yang tinggi untuk kumpulan 10 yang telah menjalankan SCL berasaskan *problem-based learning*. Walaupun kumpulan ini mencatatkan tahap kuantiti kontak yang agak rendah namun ia mempunyai tahap kualiti yang agak tinggi iaitu sebanyak 75.9%. Aktiviti yang dikaitkan dengan SCL *problem-based learning* adalah perbincangan berkumpulan, pembentangan video dan perdebatan berkumpulan.

Untuk kumpulan 12, tahap kuantiti kontak juga berada pada tahap yang agak rendah iaitu 30.90%. Namun yang demikian tahap kualiti kontak berada pada tahap yang sedikit tinggi iaitu 69.1%. Antara aktiviti yang dijalankan dalam model SCL *project-based learning*, pelajar dikehendaki mencari maklumat berkaitan etnik dalam bentuk kajian lapangan atau pun kajian perpustakaan. Untuk SCL *active & collaborative learning* pula, ia melibatkan aktiviti dalam bilik kuliah sahaja seperti penghasilan peta minda, video refleksi dan perbincangan isu semasa.

Berdasarkan analisis, kumpulan-kumpulan yang mempunyai tahap kuantiti dan seterusnya kualiti yang tinggi adalah kumpulan yang menjalankan aktiviti yang memerlukan analisis yang tinggi dalam kalangan pelajar yang memerlukan mereka berbincang dan membuat analisis secara mendalam dan tekun sesama ahli kumpulan. Selain itu, aktiviti di luar bilik kuliah seperti kajian lapangan didapati lebih menarik minat pelajar serta mampu menghasilkan tahap kuantiti dan kualiti kontak yang tinggi. Contohnya model SCL *case study* yang dilaksanakan oleh kumpulan 7 yang melibatkan kajian lapangan dan model SCL *problem-based learning* yang melibatkan analisis masalah ternyata berjaya memperolehi tahap kuantiti dan kualiti kontak yang tinggi.

Kesimpulan

Berdasarkan beberapa hasil penyelidikan yang lepas berkaitan dengan *contact theory*, kontak sememangnya telah terbukti dapat mengurangkan bias, stereotaip dan prejudis dalam kalangan masyarakat yang berbeza latar belakang etnik, agama mahupun jantina. Sesebuah kontak itu akan lebih berkesan jika ia memenuhi empat syarat utama iaitu persamaan status antara ahli dalam sesebuah kumpulan, persamaan matlamat, interaksi kooperatif dan sokongan atau kebenaran dari pihak berkuasa. Berdasarkan reputasi *contact theory* ini, kajian ini cuba untuk menilai adakah model SCL yang dilaksanakan oleh pensyarah-pensyarah kursus Hubungan Etnik di Universiti Putra Malaysia telah menerapkan elemen-elemen utama dalam *contact theory* terutamanya interaksi kooperatif. Selain daripada pengaplikasian *contact theory*, kajian ini juga selanjutnya telah menilai tahap kuantiti dan juga kualiti kontak

yang telah berlaku diantara pelajar.

Kajian ini telah memperolehi beberapa dapatan utama. Yang pertama, tujuh jenis model SCL telah dikenalpasti daripada keenam-enam buah kumpulan yang dikaji iaitu *small group discussion*, *modular approach*, *team-based learning*, *case study*, *project-based learning*, *problem-based learning* dan *active & collaborative learning*. Namun yang demikian walaupun terdapat beberapa kumpulan yang melaporkan model SCL yang sama seperti kumpulan 6, kumpulan 7 dan kumpulan 8 yang melaksanakan *case study*, pendekatan dan kaedah pelaksanaan yang digunakan adalah berbeza antara satu sama lain. Kumpulan 6 contohnya, menjalankan *case study* dalam bentuk mengenalpasti rumah-rumah ibadat di Malaysia, kumpulan 7 menjalankan *case study* dalam bentuk kajian lapangan tentang masalah berkaitan perbezaan agama dan kumpulan 8 pula melaksanakan aktiviti ulasan untuk SCL *case study*.

Dapatan yang kedua untuk kajian ini adalah, proses interaksi kooperatif dan kerjasama sebagai satu syarat utama dalam *contact theory* berlaku untuk semua jenis model SCL dan untuk semua kumpulan. Ini adalah kerana antara langkah pertama setiap pensyarah sebelum memulakan sebarang bentuk model SCL adalah menetapkan pelajar untuk membentuk kumpulan-kumpulan kecil berjumlah lima hingga enam orang setiap kumpulan. Antara syarat utama pembentukan kumpulan ini adalah ahli kumpulan mesti terdiri daripada pelbagai etnik, agama, jantina atau negeri asal kelahiran. Proses interaksi dan kerjasama antara pelajar seterusnya akan berlaku apabila pelajar dikehendaki untuk menyelesaikan tugas atau aktiviti-aktiviti tertentu. Contohnya, pensyarah kumpulan 7 mengenalpasti proses interaksi dan kerjasama terjalin dalam kalangan pelajar ketika mereka bertukar idea atau pendapat dan mempertahankan idea kumpulan masing-masing.

Walaupun terdapat kumpulan-kumpulan yang melaksanakan model SCL yang sama dan semua kumpulan telah menerapkan *contact theory* dalam model SCL masing-masing, namun tahap kuantiti dan kualiti kontak adalah berbeza berdasarkan hasil analisis. Ini kerana terdapat perbezaan dalam pendekatan dan kaedah pelaksanaan model-model SCL setiap kumpulan. Contohnya kumpulan 8 mempunyai tahap kuantiti dan kualiti kontak yang paling tinggi berbanding kumpulan 6 dan kumpulan 7 walaupun kesemua kumpulan ini melaksanakan *case study*.

Dapatan juga menunjukkan bahawa model-model SCL yang dilaporkan dalam kajian ini adalah berdasarkan pandangan dan persepsi pensyarah sendiri dan bukannya berdasarkan prinsip model SCL yang sebenar. Oleh sebab inilah, pendekatan dan kaedah pelaksanaan yang diaplikasikan oleh setiap pensyarah adalah berbeza antara satu dengan yang lain. Sebagai contoh, di antara prinsip utama dalam *case study* adalah penilaian mendalam tentang proses, situasi, acara dan dokumen untuk mengkaji ciri-ciri sesebuah kes. Ada sesetengah pensyarah yang mungkin tidak mengaplikasikan prinsip ini dalam *case study* mereka.

Aktiviti SCL sememangnya sebuah platform yang baik untuk menerapkan *contact theory* namun ia memerlukan penelitian semula apakah pendekatan terbaik untuk memaksimumkan interaksi dan kerjasama untuk setiap model SCL tersebut seterusnya dapat mencapai tahap kuantiti dan kualiti kontak yang tinggi. Pensyarah juga disarankan agar melaksanakan model-model SCL mengikut prinsip-prinsip dan kaedah pelaksanaan yang sebenar. Contohnya pelaksanaan model SCL dalam bentuk *case study* perlulah mengikut prinsip-prinsip *case study* begitu juga dengan model-model SCL yang lain seperti *problem-*

based learning dan *project-based learning*. Model SCL dengan penerapan *contact theory* yang berkesan semestinya dapat membantu mencapai objektif kursus Hubungan Etnik iaitu menggalakkan keharmonian antara etnik seterusnya mencapai kesepaduan sosial. Kajian ini hanya sekadar memberi pendedahan tentang kewujudan model-model SCL tertentu dan sejauh mana ia telah menerapkan *contact theory* dan bukannya keberkesanaan pelaksanaan model-model SCL tersebut. Sebagai cadangan untuk kajian akan datang harus memberi tumpuan kepada keberkesanan jenis-jenis model SCL yang telah diterapkan *contact theory* ini ke atas sikap dan tingkahlaku pelajar terutamanya sikap prejudis dan diskriminasi.

Rujukan

- Abdullah Taib (1984), Integrasi dan Polarisasi Mahasiswa Universiti di Malaysia. *Laporan Teknikal, Biro Perundingan dan Penyelidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (Tidak diterbitkan).
- Aboud, F. E., & Amato, M. (2001). Developmental and socialization influences on intergroup bias. In R. Brown & S.L. Gaertner (Eds.), *Blackwell handbook of social psychology: intergroup processes* (pp. 65-85). Oxford: Blackwell.
- Allport, G.W. (1954). *The nature of prejudice*. Cambridge, Mass: Addison-Wesley.
- Brandes, D. and P. Ginnis (1986). *A Guide to student-centered learning*. Oxford: Blackwell.
- Dovidio, J. F., Gaertner, S. L., & Kawakami, K. (2003). Intergroup contact: The past, present, and the future. *Group processes and intergroup relations*, 6, 5–20.
- Chu, D. & Griffey D. (1985). The contact theory of racial integration: the case of sport. *Sociology of Sport Journal*. 2, 323-3.
- Fatimah Daud (2002). Polarisasi kaum di kalangan pelajar-pelajar universiti. Kuala Lumpur: UM.
- Gaertner, S. L., & Dovidio, J. F. (1986). The aversive form of racism. In J. F. Dovidio & S. L. Gaertner (Eds.), *Prejudice, discrimination, and racism* (pp. 61–89). Orlando, FL: Academic Press.
- Gaertner, S. L., Dovidio, J. F., Rust, M. C., Nier, J., Banker, B., Ward, C. M. et al. (1999). Reducing inter-group bias: Elements of inter-group cooperation. *Journal of personality and social psychology*, 76, 388–402.
- Gall, M. D., Borg, W. R., & Gall, J. P. (1996). *Educational research: An introduction*. White Plains, NY: Longman.
- Hallinan, M.T. and Williams, R.A. (1987). The stability of students' interracial friendships. *American Sociological Review*, 52, 653-664.
- Kandel, D.B. (1978). Similarity in real-life adolescent friendship pairs. *Journal of Personality and Social Psychology*, 36(3), 306-312.

- Kawakami, K., Dovidio, J. F., Moll, J., Hermsen, S., & Russin, A. (2000). Just say no (to stereotyping): Effects of training in negation of stereotypic associations on stereotype activation. *Journal of personality and social psychology*, 78, 871–888.
- Mohd Rizal Mohd Said dan Thay Cheow Yin. (2012). Tahap hubungan etnik: Kajian di kalangan pelajar yang mengikuti kursus sarjana teknologi serta pendidikan (kemahiran hidup), sesi pengajian 2007/2008, semester 2 di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 6, 59-72.
- Najeemah Mohd Yusof. (2006). Patterns of social interaction between different ethnic groups in Malaysian secondary schools. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 21, 149-164.
- Paluck, E. L., & Green, D. P. (2009). Prejudice reduction: What works? A Review and assessment of research and practice. *Annual review of psychology*, 60, 339-367.
- Suresh Kumar N Vellymalay. (2014). Etnisiti dan interaksi sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik di bilik darjah. *Journal of human capital development*, 7(2). 47-61.
- Tuma, N.B. and Hallinan, M.T. (1979). The effects of sex, race, and achievement on school children's friendships. *Social Forces*, 57(4), 1265-1285.